



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MEXUNITY MEMBINCANGKAN USAHA MENANGANI KONFLIK AKAR UMBI

SEPANG, 2 April 2026 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah mempengerusikan **Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity)** yang pertama bagi tahun 2026. Platform ini berperanan sebagai medium untuk menyelaraskan inisiatif perpaduan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Mesyuarat telah dimaklumkan berhubung **Draf Garis Panduan Perancangan Rumah Ibadat Bukan Islam (GPP RIBI)** yang dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui **Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)**. Draf ini merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu Mekanisme Perancangan, Mekanisme Pembangunan dan Mekanisme Pelaksanaan RIBI. Draf ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-87 pada 12 Mac 2026 sebagai kertas makluman dan akan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan pemakaian **garis panduan ini dijangka dapat memperkukuh mekanisme perancangan, pembangunan, dan pelaksanaan RIBI dengan lebih telus, sistematik, dan berstruktur**. Ia juga diharap dapat mempertingkatkan keberkesanan koordinasi antara pihak kerajaan, agensi berkaitan, dan masyarakat, sambil memastikan setiap inisiatif dilaksanakan dengan sokongan padu daripada Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara juga menyatakan bahawa sedang memperhalusi **penubuhan 12 buah Pusat Mediasi Komuniti yang baharu melibatkan 10 negeri, dan 2 wilayah persekutuan (Kuala Lumpur dan Labuan)**. Pusat ini akan menyediakan perkhidmatan mediasi ditawarkan tanpa bayaran, membolehkan individu atau pihak yang terlibat mendapatkan bantuan profesional bagi mencari penyelesaian terbaik tanpa beban kos. Antara isu yang sering ditangani termasuk pertikaian kejiwaan, gangguan bunyi, pergaduhan antara jiran, masalah parkir, atau isu alam sekitar komuniti. Dengan mediasi, konflik-konflik kecil ini dapat diselesaikan secara damai sebelum menjadi lebih besar.

Mesyuarat turut bersetuju **penubuhan Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA)**. PRISMA sebagai platform integrasi nasional melambangkan anjakan paradigma Kerajaan MADANI dalam mentransformasikan pengurusan isu perpaduan secara lebih menyeluruh, proaktif dan berpusatkan data. Sinergi utuh antara inovasi pendigitalan pelaporan melalui e-Sepakat dan RAKAN, penyelarasan strategik rentas agensi keselamatan seperti PDRM dan SKMM serta kelangsungan intervensi sosial. Pendekatan keseluruhan kerajaan (*whole-of-government approach*) yang menghubungkan rangkaian tindakan dari akar umbi hingga ke peringkat nasional ini merupakan perisai yang ampuh bagi mendepani cabaran siber dan fizikal masa hadapan, sekaligus menjamin kelestarian keharmonian dan kestabilan masyarakat majmuk di negara ini.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

2 April 2026

KPN.100-9/1/16 (23)

